

# Negara lebih bersedia hadapi krisis ekonomi

KUALA LUMPUR 21 Mac – Malaysia kini lebih bersedia menghadapi sebarang krisis seperti krisis kewangan yang melanda rantau Asia kira-kira 10 tahun lalu, berikutan kedudukan ekonominya yang kukuh dan mapan.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, berbanding 1997, struktur ekonomi negara pada masa ini lebih kukuh dengan dasaran ekonomi yang mantap serta paras rizab yang kuat.

“Kita juga telah meningkatkan fleksibiliti sistem kewangan domestik,” katanya ketika diminta mengulas kedudukan semasa ekonomi Malaysia.

Sebelum ini, bank pusat telah mengukuhkan pasaran bon dengan memiliki pasaran sekuriti hutang persendirian (PDS) yang paling canggih.

Gabenor bank pusat itu juga berkata, sektor perbankan juga telah disusun semula bagi memantapkan kedudukannya dengan mengurangkan bilangan yang pada satu ketika berjumlah 71 institusi kewangan.

“Ini semua telah memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dalam menghadapi sebarang krisis luaran yang boleh menjejaskan ekonomi kita,” kata Zeti pada sidang akhbar di Bank Negara Malaysia (BNM) selepas mengumumkan

Laporan Tahunan Bank Negara 2006, di sini.

Selain itu, katanya, BNM juga mempunyai sistem pemantauan lebih baik yang membolehkan ia mengesan sebarang masalah ekonomi secara berkesan.

Zeti berkata, kerjasama serantau juga sudah diperkuatkan bagi meningkatkan kerjasama negara-negara jiran menghadapi sebarang krisis ekonomi.

Katanya, Malaysia dan negara-negara sahabat sering mengadakan mesyuarat berhubung kewangan.

Menurutnya, ini dilakukan mengambil iktibar daripada krisis kewangan 1997, apabila banyak negara rantau ini terjejas teruk berikutan tiadanya kerjasama kewangan.

“Semasa krisis 1997 setiap negara menangani krisis kewangan secara bersendirian dan rantau ini tidak bersatu mengatasi krisis itu,” katanya.

Beliau berkata, pada masa ini rantau ini lebih bersedia menghadapi sebarang krisis serupa setelah mempunyai mekanisme bagi menangani sebarang perkembangan yang mungkin boleh menjejaskan ekonomi rantau ini.

“Ini termasuk menghubungkan bilik-bilik operasi bank-bank pusat di rantau ini selain menjalinkan persefahaman antara institusi pengurusan krisis bagi menangani sebarang krisis

ekonomi,” tambah beliau.

Ditanya mengenai internasionalisasi mata wang ringgit, Zeti berkata, ia tepat dengan pelaksanaan dasar Liberalisasi Pentadbiran Pertukaran Asing.

Beliau menjangka nilai ringgit akan meningkat beransur-ansur, konsisten dengan trend pertumbuhan penanda aras ekonomi.

“Memandangkan asas ekonomi negara tidak berubah secara mendadak, kami menjangka kenaikan nilai ringgit satu trend yang beransur-ansur, bukan satu trend yang mendadak.

“Selagi kekuatan ringgit mencerminkan kekuatan penanda aras ekonomi, itu satu perkembangan yang positif,” katanya.

Beliau tidak menolak dalam jangka pendek akan berlaku pergerakan dua hala mata wang.

Menurutnya, pada tahun lalu, apabila ekonomi Malaysia mempunyai asas-asas yang kukuh, nilai ringgit meningkat purata empat peratus.

Katanya, unit tempatan itu meningkat sebanyak lapan peratus berbanding dolar AS dan 12 peratus berbanding yen, manakala berbanding mata wang lain di rantau ini, ia mengukuh antara satu hingga lima peratus.